



Ruj. Kami : KPM.800-4/1/5 Jld.13(50)
Tarikh : 31 Januari 2019

Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
Semua Yang Di-Pertua Majlis Agama Islam Negeri
Semua Pengarah Jabatan Agama Islam Negeri
Pengarah Yayasan Islam Kelantan
Pengarah Bahagian Pendidikan Islam

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

SURAT SIARAN MENGENAI PELAKSANAAN BANTUAN AWAL PERSEKOLAHAN (BAP) TAHUN 2019 BAGI SEKOLAH AGAMA NEGERI (SAN) DAN SEKOLAH AGAMA RAKYAT (SAR)

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Sebagaimana YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan sedia maklum, Bantuan Awal Persekolahan (BAP) akan diteruskan pelaksanaannya pada tahun 2019 dengan tujuan meringankan beban perbelanjaan persekolahan pada awal tahun yang ditanggung oleh ibu bapa/ penjaga murid.

3. Sehubungan itu, pelaksanaan program ini bagi tahun 2019 akan diteruskan seperti butiran berikut:

BIL.	PERKARA	BUTIRAN
a.	Syarat kelayakan	<ul style="list-style-type: none"> • Murid warganegara Malaysia; • Bersekolah di Sekolah Agama Negeri (SAN) dan Sekolah Agama Rakyat (SAR) • Murid Tahun 1 hingga Tingkatan 5 atau setaraf dengannya bagi sesi persekolahan tahun 2019; dan • Murid dalam kalangan isi rumah berpendapatan bulanan kasar sebanyak RM3,000.00 dan ke bawah.
b.	Kadar bantuan	RM100.00 bagi setiap murid.
c.	Tarikh mula bayaran	Pembayaran akan dilaksanakan secara berperingkat mulai 8 Februari 2019
d.	Kaedah penyaluran bayaran	Menyalurkan terus bantuan ke akaun sekolah/ trustee/ tunggal/ syarikat.
e.	Agihan wang bantuan kepada murid	Wang bantuan hendaklah diagihkan kepada murid yang layak dalam tempoh 14 hari dari tarikh penyata bank diterima bagi bulan di mana peruntukan dikreditkan ke akaun KWK sekolah.
f.	Kurang peruntukan	Pihak sekolah perlu mengemukakan permohonan peruntukan tambahan berserta penyata bank sekolah dengan jumlah peruntukan yang diperlukan kepada Bahagian Kewangan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melalui Sektor Pendidikan Islam/ JPN atau JAKIM/ JAIN/ MAIN/ YIK dengan kadar segera.
g.	Tarikh pemulangan lebihan peruntukan	Lebihan peruntukan hendaklah dipulangkan kepada Bahagian Kewangan KPM selewat-lewatnya pada 30 Jun 2019 melalui cek atas nama Ketua Akauntan, KPM.
h.	Pemotongan bantuan	Sebarang pemotongan ke atas wang bantuan adalah tidak dibenarkan.

4. Kerjasama YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dimohon untuk **menghebahkan perkara ini kepada JPN/ JAIN/ MAIN/ YIK** di bawah seliaan masing-masing. Bersama-sama ini disertakan **Garis Panduan Bantuan Awal Persekolahan Kepada Murid Di Sekolah Agama Negeri (SAN), Sekolah Agama Rakyat (SAR) dan Sekolah Swasta (Persendirian)** untuk rujukan dan perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan. Garis Panduan ini juga boleh dimuat turun di laman sesawang Kementerian Pendidikan Malaysia (www.moe.gov.my).

5. Bagi memastikan kelancaran pelaksanaan BAP tahun 2019, YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan **disaran mengambil langkah-langkah** yang sewajarnya seperti berikut:

- i) **Memastikan semua sekolah** di bawah seliaan YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan **menerima hebahan** ini (disaran agar BPI/ JAKIM atau JPN/ JAIN/ MAIN/ YIK menyediakan Borang Aduan Penerimaan Surat untuk dikembalikan oleh sekolah kepada BPI/ JAKIM atau JPN/ JAIN/ MAIN/ YIK);
- ii) Mengambil tindakan sewajarnya bagi **mengelakkan kes keciciran atau 'terlepas tarikh'** bagi sesuatu urusan dalam talian di peringkat sekolah (disaran BPI/ JAKIM atau JPN/ JAIN/ MAIN/ YIK menggunakan kaedah hebahan dan peringatan yang cepat dan menyeluruh kepada sekolah seperti melalui e-mel atau aplikasi *whatsapp/ telegram*);
- iii) Memberi peringatan kepada sekolah supaya **mengenalpasti murid yang layak BAP, maklumat dikemaskini** dengan tepat dan lengkap **sebelum 30 Oktober tahun semasa**;
- iv) Sentiasa **memantau status pelaksanaan** sesuatu urusan di sekolah-sekolah di bawah seliaan BPI/ JAKIM atau JPN/ JAIN/ MAIN/ YIK **sebelum tarikh tutup sesuatu urusan dalam talian** bagi mengelakkan kes keciciran dan 'terlepas tarikh' di peringkat sekolah; dan
- v) **Memudahcara** sekolah-sekolah di bawah seliaan masing-masing dalam pelaksanaan BAP tahun 2019 dan hanya

memanjangkan kepada Bahagian Kewangan, KPM permasalahan yang tidak dapat diselesaikan di peringkat BPI/ JAKIM atau JPN/ JAIN/ MAIN/ YIK.

6. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan boleh menghubungi pegawai berikut:

- i) **Puan Zuliana Binti Zainol Abidin**
Telefon : 03-8884 7002
email : zuliana.zabidin@moe.gov.my

- ii) **Mohd Haziman Bin Ab Ghani**
Telefon : 03-8884 7629
email : haziman.ghani@moe.gov.my

- iii) **Cik Siti Fatimah Binti Ab Razak**
Telefon : 03-8884 7091
email : sitifatimah.r@moe.gov.my

- iv) **Puan Poziah binti Mahmood**
Telefon : 03-8884 7213
email : poziah.mahmood@moe.gov.my

7. Perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam memastikan kelancaran pelaksanaan BAP Tahun 2019 amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(RAMZI BIN MANSOR)

b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia
No. Tel : 03-8884 7474
No. Faks : 03-8884 7679

s.k.:

- i) KSU
- ii) KPPM
- iii) TKSU (Perancangan Strategik)
- iv) TKSU (Pembangunan)
- v) TKSU (Pengurusan)
- vi) TKPPM (Sektor Pembangunan Profesionalisme (Keguruan)
- vii) TKPPM (Sektor Operasi Pendidikan)
- viii) TKPPM (Sektor Dasar dan Pembangunan Pendidikan)
- ix) Ketua Unit Komunikasi Korporat
- x) SUSK YB Menteri Pendidikan
- xi) SUSK YB Timbalan Menteri Pendidikan